

THE FUTURISTIC SHIFT IN ISLAMIC SCIENCES EDUCATION IN THE MALAY ARCHIPELAGO

ANJAKAN FUTURISTIK PENDIDIKAN SAINS ISLAM DI NUSANTARA

Aminudin Hehsanⁱ, Zulkiflee Haronⁱⁱ, Mohd. Nasir Ripinⁱⁱⁱ, Abdul Basit Samat^{iv}, Ahmad Muhyuddin Hassan^v & Mohd Fauzi Abu^{vi}

ⁱ (Corresponding author). Pensyarah, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Felo Penyelidik Pusat Penyelidikan Fiqh Sains & Teknologi (CFIRST), Universiti Teknologi Malaysia (UTM). ahehsan@utm.my

ⁱⁱ Pensyarah, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Felo Penyelidik Pusat Penyelidikan Fiqh Sains & Teknologi (CFIRST), Universiti Teknologi Malaysia (UTM). zulkiflee@utm.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Felo Penyelidik Pusat Penyelidikan Fiqh Sains & Teknologi (CFIRST), Universiti Teknologi Malaysia (UTM). nasiripin@utm.my

^{iv} Pensyarah Kanan, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM). ramly@utm.my

^v Pensyarah Kanan, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM). ramly@utm.my

^{vi} Pensyarah Kanan, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM). mohdfauziabu@utm.my

Abstract	<i>The issues of philosophy of Science and Technology (Sciencetech) is not only being debated in the Malay Archipelago, but also in the western world. This paperwork deliberated about sciencetech knowledge shift. Polarisation of educational system has been a tradition in the Malay Archipelago, which now requires new thinking pattern. Besides, the discussions on historiography values in science and technology are not exposed to the traditional Islamic sciences' basic and concept which is mabadi' al-'asharah (ten foundations). Next, discussions of sciencetech and conspiracy issues in science and technology are also being brought up through innovations developed. Moreover, discussions about sciencetech issues are triggered by scholars through new thinking conscious movement. Finally, the discussions on science creation issues which been argued long time before. Today, the pattern of education development in Islamic world does not fully mirror the curricular based on al-Quran and al-Sunnah. This matter also does not exclude science education which plays important part in that curricular. The methodology of this paperwork is based on a library research focusing on synthesis and thematically categorised through the analysis of books, papers and scientific journals. Subsequently, this paperwork suggests a futuristic shift of thinking among Islamic scholars in the Malay Archipelago in forming a holistic Islamic sciences education which covers physical, emotional, spiritual and intelectual education with an ubudiyah foundation.</i> Keyword: <i>Philosophy, science, technology, Malay, archipelago.</i>
Abstrak	<i>Isu falsafah Sains dan Teknologi (Saintek) tidak hanya dibincangkan di Nusantara Melayu, malahan juga dibincangkan di dunia barat. Kertas kerja ini membincangkan tentang kekeliruan tentang ilmu saintek di negara umat islam meliputi Nusantara yang kini memerlukan anjakan. Sistem polarisasi aliran pendidikan yang telah menjadi tradisi di Nusantara kini perlukan corak pemikiran baharu. Selain itu, perbincangan nilai-nilai historiografi dalam bidang sains dan teknologi yang tidak terdedah kepada konsep dan asas tradisi sains Islam iaitu mabadi' al-'asharah (sepuluh asas). Selain itu, perbincangan</i>

	<i>saintek dan isu-isu konspirasi dalam sains dan teknologi turut dikupas melalui inovasi yang dihasilkan. Tambahan pula perbincangan isu-isu saintek yang dicetuskan oleh para sarjana melalui gerakan pemikiran kesedaran baharu. Akhirnya akan dibincangkan isu-isu berkaitan dengan sains penciptaan yang menjadi perdebatan sejak sekian lama. Dewasa kini corak perkembangan pendidikan di dunia Islam tidak sepenuhnya mencerminkan kurikulum yang berasaskan al-Quran dan Sunnah. Hal ini tidak terkecuali melibatkan pendidikan sains yang menjadi bahagian penting daripada kurikulum tersebut. Metodologi kajian ini berteraskan kajian perpustakaan yang menumpukan penilaian secara sintesis dan dikelaskan secara tematik melalui analisis hasil karya-karya asli, kertas-kertas kerja dan jurnal-jurnal ilmiah. Seterusnya, kertas kerja ini telah mencadangkan satu anjakan futuristik pemikiran ilmuwan Islam di Nusantara dalam membentuk pendidikan sains Islam yang bersifat holistik yang meliputi jasmani, emosi, rohani dan intelek yang berteraskan kepada ubudiyah.</i> Kata Kunci: <i>Falsafah, sains, teknologi, Melayu, nusantara.</i>
--	--

PENDAHULUAN

“Kebanyakan kesalahan yang dilakukan oleh pemikir adalah mengakui kebenaran perkara yang menjadi kebiasaan, atau yang biasa didengar, sejak dari alam kanak-kanak, daripada peringkat ibu bapanya, atau gurunya, atau pun orang-orang terkenal di sekitarnya” (Mahmud Hamdi Zaquq, 1993).¹

Isu falsafah Sains dan Teknologi (Saintek) tidak hanya dibincangkan di Nusantara, malahan juga dibincangkan di dunia barat. Belahan dunia Barat, isu ini dibincangkan lantaran tiga sebab utama iaitu:

- i. Kehadiran Saintek moden yang menafikan agama dan spiritual hingga menjadikan ilmu ini ketiadaan halatuju kecuali lebih banyak membawa kekeliruan dalam kehidupan moden.
- ii. Kesan daripada manusia yang tiada matlamat sebenar dalam menjalani kehidupan sementara di dunia, menyebabkan mereka meneroka alam tanpa batasan. Hal ini secara langsung mencatatkan tahap bencana yang kian menaik tahun demi tahun.
- iii. Sains dan teknologi yang ketiadaan falsafah (baca hikmah) dan mendewakan akal sepenuhnya sehingga boleh disifatkan ‘mempertuhankan’ akal dalam semua perkara.

Justeru, umat Islam Nusantara akhirnya terpalit sama dalam isu ini lantaran sistem pendidikan sains masih bercorak warisan daripada dunia Barat. Corak pendidikan di dunia Islam tidak sepenuhnya mencerminkan kurikulum yang berasaskan al-Quran dan Sunnah. Hal ini tidak terkecuali melibatkan pendidikan sains yang menjadi bahagian penting daripada kurikulum tersebut. Perkara ini dinyatakan oleh Basheer El Tom ketika membincangkan isu ‘Pendidikan dan Masyarakat’ antara lain menyebut:

“Ini adalah satu fakta sejarah yang menunjukkan bahawa pendidikan adalah sumber tamadun tinggi yang menjadi bukti yang jelas dalam catatan manusia. Kebanggaan kita pada masyarakat pertama dan masyarakat contoh dalam Islam adalah kerana ia berasaskan pendidikan yang dilahirkan atas petunjuk al-Quran dan begitu rapat pertaliannya. Tetapi masyarakat Islam sezaman (masa kini- penulis) tidak sama seperti masyarakat pada zaman permulaan Islam yang berasaskan kepercayaan sebenarnya. Alasan kegagalan ideologi ini adalah amat menyedihkan iaitu orang Islam dididik menurut cara yang tergelincir jauh daripada ajaran Islam yang asal. Mereka telah memilih kurikulum lain yang tidak diberikan petunjuk dengan jelas oleh kepercayaan kepada Allah” (M. Wasilullah Khan, 1989).

¹ Ungkapan Imam Hujjatul Islam Abu Hamid al-Ghazali (w505H).

Ada beberapa isu penting dalam falsafah Saintek yang tidak patut diabaikan ketika merangka sebuah konsep kurikulum baharu pendidikan sains dan teknologi. Hal demikian bukan sahaja kerana sumber penulisan sebelum ini bersifat berpusatkan Barat (*Western Centred*) tetapi juga disebabkan kekaburan falsafahnya yang jauh daripada fitrah kemanusiaan. Kesedaran terhadap fakta-fakta berikut perlu diberi perhatian. Antaranya:

Kekeliruan Tentang Ilmu Saintek Di Negara Umat Islam Nusantara

Negara umat Islam di Nusantara boleh dikatakan rata-ratanya terdiri daripada negara yang sedang membangun. Aspek pembangunan moden pula tidak terkecuali daripada memiliki kelengkapan dalam Saintek yang dianggap sebagai pra syarat utama selain pengurusan pentadbirannya yang cekap dan berkesan. Namun apabila diperhatikan, negara umat Islam terkebelakang dan ketinggalan jauh dalam hal ini. Islam pada mereka banyak bersifat slogan politik demi mempertahankan kuasa dalam meraih sokongan di tengah-tengah kejahilan umat. Nilai-nilai ketamadunan tinggi Islam lebih banyak ditemui di negara-negara bukan Islam berbanding negara umat Islam.

Tahap pencapaian mereka dalam Saintek begitu perlahan lantaran antara lain disebabkan salah faham atau berlakunya kekeliruan terhadap kedudukan ilmu Saintek. Sebahagian besar pemikiran umat Islam di Nusantara, masih lagi bersifat dualisme dengan memahami ada pemisahan antara ilmu agama dan ilmu duniawi. Ilmu agama dalam kefahaman ini adalah ilmu yang berkaitan dengan al-Quran dan Hadith. Justeru mempelajari usuluddin, fikah, dan tasawuf serta yang berkaitan dengan tiga kategori pokok yang dinyatakan itu dianggap sebagai ilmu keagamaan. Termasuk dalam kategori di atas ialah ilmu seperti tafsir, *usul al-hadith*, sirah nabawi, atau ilmu alat lain yang menyampaikan kepada tahap pemahaman terbaik terhadap ilmu agama di atas diberi prioriti. Mereka yang berkecimpung dalam bidang ilmu ini dianggap sebagai 'pelajar agama.'

Ilmu yang selain daripada itu dikategorikan sebagai ilmu keduniaan. Justeru tidak menghairankan apabila ilmu Saintek ini diklasifikasikan sebagai ilmu keduniaan. Kedudukan ilmu ini berbanding kategori di atas lebih rendah nilainya dalam pandangan mereka dan kadang-kadang dinafikan. Amat mendukacitakan apabila ada yang berpandangan mempelajari ilmu Saintek dilihat dan diberi tanggapan tidak berpahala sepertimana mempelajari usuluddin, fikah dan tasawuf. Warisan fahaman sebegini yang masih berleluasa turut menghambat berkembangnya Saintek dalam negara umat Islam di Nusantara.

Dalam tradisi keilmuan Islam, fahaman pemisahan seperti itu tidak ada. Konsep ilmu yang sebenar dalam Islam berpaksikan tauhid dan dihubungkan langsung dengan Allah SWT yang *al-'Alim* (Maha Mengetahui). Pelaksanaan sama ada dalam menuntut atau mengamalkannya hendaklah berasaskan ikhlas kepada Allah. Pada sudut pandang ini, apa jua amalan atau ilmu keagamaan yang tidak berasaskan tauhid dan tidak bertunjangan ikhlas kerana Allah tidak menjadi keakhiratan, sebaliknya apa jua ilmu yang bersifat 'keduniaan' tetapi berasaskan tauhid dan ditunjangi dengan keikhlasan, maka ia menjadi akhirat. Dalam ertikata yang lain semua ilmu berlabuh di pengkalannya iaitu akhirat. Hal ini dapati difahami daripada hadis yang menyebut bahawa kalangan mereka yang melakukan ibadat atas nama agama akan tetapi tiada keikhlasan kepada Allah, maka amalan tersebut menjadi amalan dunia yang tidak diterima di sisi Allah. Rasulullah SAW mengkhabarkan:

{إِنَّ أَوَّلَ النَّاسِ يُقْضَىٰ يَوْمَ الْقِيَامَةِ عَلَيْهِ رَجُلٌ اسْتَشْهَدَ فَأُتِيَ بِهِ فَعَرَّفَهُ نِعْمَهُ فَعَرَفَهَا قَالَ فَمَا عَمِلْتُ فِيهَا قَالَ فَأَتَلْتُ فِيكَ حَتَّى اسْتَشْهَدْتُ قَالَ كَذَبْتَ وَلَكِنَّكَ أَتَلْتَ لِأَنْ يُقَالَ جَرِيءٌ فَقَدْ قِيلَ ثُمَّ أُمِرَ بِهِ فَسُحِبَ عَلَىٰ وَجْهِهِ حَتَّى أُلْقِيَ فِي النَّارِ وَرَجُلٌ تَعَلَّمَ الْعِلْمَ وَعَلَّمَهُ وَقَرَأَ الْقُرْآنَ فَأُتِيَ بِهِ فَعَرَّفَهُ نِعْمَهُ فَعَرَفَهَا قَالَ فَمَا عَمِلْتُ فِيهَا قَالَ تَعَلَّمْتَ الْعِلْمَ وَعَلَّمْتَهُ وَقَرَأْتَ فِيكَ الْقُرْآنَ قَالَ كَذَبْتَ وَلَكِنَّكَ تَعَلَّمْتَ الْعِلْمَ لِيُقَالَ

عَالِمٌ وَقُرَأَتِ الْقُرْآنَ لِيَقَالَ هُوَ قَارِئٌ فَقَدْ قِيلَ ثُمَّ أُمِرَ بِهِ فَسُحِبَ عَلَى وَجْهِهِ حَتَّى أُلْقِيَ فِي النَّارِ وَرَجُلٌ وَسَّعَ اللَّهُ عَلَيْهِ وَأَعْطَاهُ مِنْ أَصْنَافِ الْمَالِ كُلِّهِ فَأَتَى بِهِ فَعَرَفُوهُ نِعْمَةً فَعَرَفَهَا قَالَ فَمَا عَمِلْتَ فِيهَا قَالَ مَا تَرَكْتُ مِنْ سَبِيلٍ تُحِبُّ أَنْ يُنْفَقَ فِيهَا إِلَّا أَنْفَقْتُ فِيهَا لَكَ قَالَ كَذَبْتَ وَلَكِنَّكَ فَعَلْتَ لِيَقَالَ هُوَ جَوَادٌ فَقَدْ قِيلَ ثُمَّ أُمِرَ بِهِ فَسُحِبَ عَلَى وَجْهِهِ ثُمَّ أُلْقِيَ فِي النَّارِ {

Maksudnya, "Sesungguhnya orang yang pertama kali dibicarakan pada hari kiamat ialah orang yang mati syahid, maka didatangkan dengannya, dinyatakan tentang nikmat-nikmat yang diterimanya lalu dia mengetahui dengan jelas. Allah bertanya kepadanya: "Apa yang telah kamu lakukan pada nikmat-nikmat itu." Jawab orang itu: "Aku berperang pada jalan-Mu hingga aku menemui syahid." Allah menjawab: "Kamu berdusta, akan tetapi kamu berperang supaya orang memberi gelar kepadamu seorang yang berani, kini kamu telah dikatakan seperti itu (mendapat gelaran tersebut)." Kemudian diperintahkan orang itu diseret atas mukanya hingga dicampakkan ke dalam neraka. Dan seorang yang menuntut ilmu dan mengajarkannya serta membaca al-Quran. Lalu didatangkan dengannya, dinyatakan tentang nikmat-nikmat yang diterimanya lalu dia mengetahui dengan jelas. Allah bertanya kepadanya: "Apa yang telah kamu lakukan pada nikmat-nikmat itu." Jawab orang itu: "Aku mempelajari ilmu dan mengajarkannya serta aku membaca al-Quran demi kerana-Mu." Allah menjawab: "Kamu berdusta. Sebaliknya kamu mempelajari ilmu itu supaya kamu disebut sebagai orang alim dan kamu membaca al-Quran supaya disebut-sebut orang sebagai Qari (Ahli Pembaca al-Quran), sesungguhnya kamu telah pun dikatakan seperti itu (mendapat gelaran tersebut)." Lalu diperintah orang itu diseret atas mukanya hingga dicampakkan ke dalam neraka. Dan seseorang yang diluaskan Allah rezekinya, lalu ia memberikan semua jenis hartanya (infaq). Maka didatangkan dengannya, dinyatakan tentang nikmat-nikmat yang diterimanya lalu dia mengetahui dengan jelas. Allah bertanya kepadanya: "Apa yang telah kamu lakukan pada nikmat-nikmat itu." Orang tersebut menjawab: "Tidak saya tinggalkan sedikitpun daripada harta benda itu melainkan saya telah belanjakan pada jalan yang Engkau sukai semata-mata kerana-Mu." Allah menjawab: "Kamu berdusta dan tidak kamu lakukan itu semua melainkan supaya kamu digelar sebagai seorang dermawan, maka kamu telahpun dikatakan seperti itu (mendapat gelaran tersebut)." Kemudian diperintahkan orang itu diseret atas mukanya hingga dicampakkan ke dalam neraka" (Hadis. Muslim. Bab Man Qatala Li al-Riya' Wa al-Sum'ah Istahaqqa al-Nara. No. 3527).

Imam al-Nawawi rahimahullah (w676H) menyebut dalam *Sharah Sahih Muslim* sehubungan hadis di atas dengan berkata: "Nabi SAW bersabda berkenaan dengan orang yang berperang, orang yang berilmu dan orang yang pemurah serta balasan yang diterima atas amalan mereka bukan kerana Allah dan memasukkan mereka ke dalam neraka: Dalil atas memberi pertunjuk kuatnya pengharaman sifat riyak dan dahsyatnya balasan yang menimpa pelakunya, juga atas gesaan wajib ikhlas ketika beramal sepertimana yang disebut oleh Allah:

Maksudnya, "Pada hal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlaskan ibadat kepada-Nya lagi tetap teguh di atas tauhid" (al- Quran. Al-Bayyinah: 5).

Pada hadis ini juga ada pernyataan umum tentang keutamaan jihad, iaitu bagi sesiapa yang melakukannya semata-mata ikhlas kerana Allah, begitu juga pujian terhadap ulama dan ke atas mereka yang menafkahkan harta bendanya pada jalan kebaikan. Kesemua itu bagi sesiapa yang melakukannya atas dasar ikhlas kerana Allah".

Demikian amalan yang dilakukan atas nama dan bersifat agama, tetapi didasarkan pada ketiadaan ikhlas kepada Allah, maka ia tidak diterima sama sekali. Dalam gambaran yang sebaliknya, iaitu amalan yang seolah-olahnya bersifat 'keduniaan' tetapi akan

bermanfaat apabila dilakukan dengan penuh keikhlasan kerana Allah. Nabi SAW menyebut dalam sabdanya:

{بَيْنَمَا رَجُلٌ يَمْشِي بِطَرِيقٍ اشْتَدَّ عَلَيْهِ الْعَطَشُ فَوَجَدَ بِئْرًا فَنَزَلَ فِيهَا فَشَرِبَ ثُمَّ خَرَجَ فَإِذَا كَلْبٌ يَلْهَثُ يَأْكُلُ الثَّرَى مِنَ الْعَطَشِ فَقَالَ الرَّجُلُ لَقَدْ بَلَغَ هَذَا الْكَلْبُ مِنَ الْعَطَشِ مِثْلُ الَّذِي كَانَ بَلَغَ مِنِّي فَنَزَلَ الْبِئْرَ فَمَلَأَ خُفَّهُ مَاءً ثُمَّ أَمْسَكَهُ بِيَمِينِهِ حَتَّى رَفَعِي فَسَقَى الْكَلْبَ فَشَكَرَ اللَّهُ لَهُ فَعَفَرَ لَهُ}.

Maksudnya, "Tatkala seorang lelaki berjalan di sebatang jalan, beliau merasa tersangat dahaga, lalu ditemui sebuah sumur. Ia turun ke dalam sumur itu lalu meminum airnya. Kemudian beliau keluar dari sumur itu sementara di hadapannya ada seekor anjing yang menjulur lidahnya sambil memakan tanah lantaran terlalu dahaga. Lalu berkatalah lelaki itu: "Sesungguhnya anjing ini tersangat dahaga sehingga begini keadaannya sepertimana tadinya aku juga tersangat dahaga." Lalu beliau turun semula ke dalam sumur itu dan memenuhi kasutnya dengan air, dan memegang kasut itu dengan mulutnya hingga sampai ke atas, lalu diberi minum anjing tersebut. Allah berterima kasih kepadanya lalu diampunkan dosanya" (Hadis. Muslim. Bab Fadl Saqy al-Baha'im al-Muhtaramah Wa It'amuha. No. 4162).

Amalan atau perbuatan lelaki yang dinyatakan dalam hadis di atas kelihatan bersifat keduniaan dengan memberi minum kepada seekor anjing tetapi dilakukan kerana Allah, dan berbuat ihsan kepada makhluk Allah (binatang), maka Allah memberi ganjaran keampunan kepadanya. Demikian juga konsep ilmu Saintek yang dinyatakan. Meskipun ia bersifat seperti 'keduniaan' akan tetapi apabila asasnya betul kerana Allah bagi memberi manfaat kepada manusia dan demi kerana menegakkan agama-Nya, maka ia bernilai agama dan diberi pahala yang besar. Hal ini lebih bermakna apabila ilmu itu dapat memberikan manfaatnya kepada manusia ramai.

Nabi SAW ketika menjawab pertanyaan seseorang tentang siapakah orang dan sifat amalan yang paling disukai Allah menyebut:

{أَحَبُّ النَّاسِ إِلَى اللَّهِ تَعَالَى أَنْفَعُهُمْ لِلنَّاسِ، وَأَحَبُّ الْأَعْمَالِ إِلَى اللَّهِ تَعَالَى سُرُورٌ تُدْخِلُهُ عَلَى مُسْلِمٍ، أَوْ تَكْشِفُ عَنْهُ كُرْبَةً، أَوْ تَقْضِي عَنْهُ دَيْنًا، أَوْ تَطْرُدُ عَنْهُ جُوعًا}

Maksudnya, "Orang yang paling Allah cintai ialah orang yang paling memberi manfaat kepada orang lain, dan amalan yang paling dicintai Allah ialah memasukkan kegembiraan kepada orang Muslim lain, atau menghilangkan kesusahan daripadanya atau tolong melunasi hutangnya atau menghilangkan kelaparan daripadanya" (Hadis. al-Tabrani. No. 13468 & 665).

Jelas tanpa ragu bahawa ilmu Saintek yang menepati kriteria di atas menjadi bahagian ilmu yang paling disukai Allah. Semua ini akan terhasil apabila berada dalam rangka Islam dan mencari keredaan Allah SWT.

Polarisasi Aliran Pendidikan

Situasi sistem pendidikan di negara umat Islam Nusantara, banyak yang masih belum melaksanakan pendidikan holistik dalam ertikata meliputi dan saling integrasi antara semua ilmu yang diperlukan.² Umumnya dalam kalangan negara ini masih berlaku polarisasi berikut:

- i. Aliran Sastera (Ekonomi, Perdagangan).
- ii. Aliran Agama (Bahasa Arab, Usuluddin, Syariah).
- iii. Aliran Sains (Fizik, Biologi, Kimia).
- iv. Aliran Kemahiran (Teknikal, Vokasional).

² Berhubung dengan kemelut persoalan ini sila telaah lanjut, Syed Ali Ashraf, 1994, *Horizon Baru dalam Pendidikan Islam*, terj. Ismail Ahmad, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Pelajar yang mengikuti aliran sastera ditawarkan juga subjek sains meskipun tidak sepenuhnya. Biasanya mereka didedahkan kepada konsep sains secara umum (sains am) dengan mengenali Fizik, Kimia dan Kajihayat (Biologi) dalam bentuknya yang umum. Begitu juga dengan aspek keagamaan, tidak sepertimana yang diajar kepada pelajar dalam aliran agama. Aspek keagamaan bagi mereka adalah pengajaran yang lebih melibatkan perkara ibadat dan fardu ain sahaja. Konsep sains dan agama yang tidak 'matang' seperti inilah yang difahami dan tercetak dalam minda mereka apabila mereka meningkat dewasa.

Pelajar yang berkecimpung dalam aliran agama pula, penekanan yang lebih diberikan kepada subjek-subjek keagamaan dan bahasa Arab. Aspek sains yang didedahkan kepada mereka mirip kepada pelajar yang berkecimpung dalam aliran sastera. Daripada aspek pengajian sains, mereka ini menerima nasib yang hampir sama walaupun tidak lebih buruk dari mereka yang beraliran sastera. Hal demikian terjadi lantaran masa yang ditumpukan lebih banyak digunakan kepada subjek keagamaan dan bahasa Arab.

Manakala pelajar yang berkecimpung dalam aliran sains pula, pendedahan lebih banyak diberikan kepada aspek-aspek pembelajaran subjek komponen sains. Pada masa yang sama mereka ketandusan dalam ilmu keagamaan dan ilmu sosial. Nasib pelajar aliran ini dari aspek keagamaan hampir menyamai pelajar dalam aliran sastera, atau kurang daripada mereka.

Para pelajar daripada aliran kemahiran juga terdedah dengan pendidikan Islam hanya sebagai satu subjek yang terpisah. Aspek kemahiran yang berkaitan dengan kehidupan tidak diterapkan nilai dan anasir keislaman sebagai sebahagian daripada kurikulum pendidikan. Maka terbentuklah dua dimensi dalam kefahaman pelajar. Aspek agama (Islam) sebagai ilmu teori sama seperti ilmu-ilmu yang lain dan aspek kemahiran yang perlu ada dalam kehidupan tanpa hubungan dengan agama.

Demikian secara ringkas polarisasi aliran pendidikan yang berlangsung di negara-negara umat Islam di Nusantara. Ada aliran lain lagi seperti 'aliran tahfiz' yang memberi tumpuan sepenuhnya kepada program hafazan al-Quran semata dengan matlamat menghafaz 30 juzuk al-Quran. Setiap aliran tersebut masing-masing ada kekurangan dan kelebihan di sana sini. Walau apa pun aliran pendidikan yang ada, hakikat yang perlu diakui bahawa pelajar yang keluar daripada sistem ini mewarisi konsep ilmu yang dicetak pada minda ketika mereka berada di bangku pembelajaran. Realiti ini membawa kepada pelaksanaan dalam hidup bermasyarakat.


Ia sedikit sebanyak memberi pertentangan pemikiran dalam sosio budaya masyarakat yang kalau tidak ditangani dengan bijaksana akan membentuk jurang pemikiran yang sukar disatukan. Sesungguhnya sistem pendidikan di negara-negara umat Islam memerlukan satu bentuk kurikulum sains yang holistik. Kurikulum ini hendaklah disusun oleh gabungan kumpulan mereka yang berkepakaran dalam bidang sains dan agama. Ia tidak boleh diserahkan semata-mata kepada mereka yang bernama saintis yang terhasil dari warisan ilmu tamadun Barat moden lantaran sains warisan Barat menolak agama sebagai cara hidup (*the way of life*). Fahaman sains bawaan mereka lebih banyak membawa kerosakan daripada membina minda sebenar sebagai seorang yang beriman kepada Allah SWT. Selain daripada itu banyak teori yang disuguhkan bertentangan dengan wahyu.

Historiografi Sains dan Teknologi

Para penggubal kurikulum Saintek kebiasaannya terdiri daripada mereka yang dicorakkan oleh pendidikan yang terhasil daripada aliran polarisasi yang disebutkan di atas. Ada dalam kalangan mereka ini individu yang tidak terdedah kepada konsep dan asas tradisi sesuatu ilmu sepertimana yang diwarisi dalam tradisi sains Islam. Konsep asas mana-mana ilmu dalam tradisi Islam yang dikenali sebagai *mabadi' al-'asharah* (sepuluh asas)³

³ Dimaksudkan dengan sepuluh asas yang menjadi dasar setiap bidang ilmu ialah: (i) *Ta'rif* (definisi), (ii) *Mawdu'* (objek pembahasannya), (iii) Buah (*thamar*), (iv) Keutamaan (*fadl*), (v) Hubungannya (nisbah), (vi)

tidak dibincangkan dalam subjek sains yang diajar. Hasilnya, ilmu sains yang diterapkan kepada pelajar menjurus kepada kehilangan puncanya, kabur matlamatnya, dan perjalanannya pula bersimpang siur dalam kelamnya kabus atheisme, materialisme dan sekularisme. Pelajar dan pengajar gagal mengenali ilmu ini sebagai salah satu kaedah mendekatkan diri kepada Allah Rabb *al-'Alamin*.



Selain daripada itu, lantaran sumber rujukannya berkiblatkan Barat, maka historiografi ilmu ini dilihat kelahirannya ketika ilmu ini berada di tangan dunia Barat. Sedangkan hakikat sebenarnya sains Islam yang mendahului dunia Barat tidak diberi perhatian lantaran kejahilan dan kurangnya penyelidikan yang dilakukan terhadapnya. Lebih malang lagi ada tenaga pengajar yang berhujah, bahawa Islam tidak membawa apa-apa sumbangan kepada kemajuan sains dan teknologi moden. Pada mereka, Barat adalah segala-galanya. Fahaman seperti ini turut menyumbang suburnya halangan meraih perasaan mempelajari Saintek sebagai suatu tanggungjawab agama yang diwajibkan kepada umat Islam yang nilainya melebihi ibadat sunat berskala peribadi, dan malahan menjadi fardu ain dalam beberapa keadaan.

Amat jarang dalam kalangan mereka yang mengetahui bahawa Saintek adalah ilmu yang berasal daripada para nabi utusan Allah, sepertimana yang difahami daripada catatan para sarjana awal saintis Muslim. Zaman kegemilangan sains Islam dahulu antara lain pencapaiannya disebabkan kefahaman mereka yang benar tentang kedudukan dan kemuliaan ilmu ini. Malangnya lantaran telah dicemari oleh dunia Barat yang menyalahkan tradisi tauhid daripada ilmu ini, maka ia dipandang serong oleh sebahagian mereka yang tidak mengetahui historiografinya.

Saintek dan Isu-isu Konspirasinya

Dunia pada zaman moden menyaksikan penggunaan Saintek yang tidak terkawal dan malahan sengaja diciptakan teknologi untuk tujuan kemusnahan, terutama teknologi senjata. Hal ini membawa kepada perlumbaan senjata dalam skala besar dan antara mereka saling bersaing. Isu sebenarnya tidak kepada soal senjata, tetapi manusia yang mengambil kesempatan demi meraih keuntungan daripada perlumbaan tersebut lantaran

Pengasas (*Wādi'*), (vii) Nama (*Ism*), (viii) Dasar Pengambilan (*Istimdād*), (ix) Hukum Syarak (x) Masalah (*masā'il*). Lihat antara lain dalam, al-Syaikh Ibrahim bin Muhammad al-Bajuri, t.th, *Jawharah al-Tawhid ma'a Hasyiyatiha Tuhfat al-Murid*, Matba'ah al-Istiqamah, Kaherah, hlm. 10-11.

dikuasai nafsu. Suasana 'ketakutan' sengaja diciptakan agar manusia akan berlutut kepada kuasa adidaya yang memiliki senjata paling canggih sebagai tempat berteduh. Hasilnya mereka meraih keuntungan yang tidak terkira banyaknya.

Seandainya manusia dididik dengan jiwa yang saling menghormati, mewujudkan tali persaudaraan dan hubungan kemanusiaan yang sama taraf, tidak saling membenci dan bermusuhan, maka sudah tentu tidak akan ada kekacauan. Malangnya bagi mereka yang berjiwa kotor, kedamaian bagi mereka tidak membawa keuntungan. Justeru perlunya diwujudkan kekacauan dan suasana ketakutan agar terhasil apa yang mereka cita-citakan. Hal yang sama berlaku apabila manusia sihat. Mereka tidak memerlukan ubat-ubatan. Justeru farmasi dan para pengilang ubatan akan mengalami kerugian. Bagi menangani masalah ini, virus penyakit pun mula diciptakan di makmal-makmal agar ubat dapat diperdagangkan dengan laris.


Semua ini adalah perancangan dan konspirasi sengaja oleh pihak Zionisme Antarabangsa bagi mengaut keuntungan hasil penderitaan manusia. Kelihatan Saintek lagi-lagi digunakan secara menyeleweng dan salah. Justeru kesedaran terhadap aspek ini juga perlu diberi perhatian ketika merangka kurikulum baharu Saintek.

Sains Penciptaan

Pendidikan dan konsep ilmu terutama dalam bidang sains dan teknologi yang dialami dunia Barat kini dalam situasi yang tenat. Konsep sains yang menafikan Tuhan dan dijelmakan secara praktis dalam teori evolusi Darwin (1809-1882) meninggalkan kesan yang amat parah dalam falsafah dan epistemologinya. Ia bukan sahaja menyesatkan manusia tetapi juga memberi kesan buruk kepada seluruh dimensi kehidupan. Bagaimanapun kekeliruan ideologi ini mula diperdebatkan oleh para sarjana yang mendukung pemikiran sains berasaskan '*creation*'.

Lebih daripada 500 ilmuwan yang memiliki ijazah kedoktoran (Ph.D) telah menandatangani sebuah pernyataan (*memorandum*) bersama, yakni menyatakan kesangsian terhadap teori evolusi Darwin. Antara ilmuwan yang menandatangani pernyataan bersama tersebut, adalah merupakan anggota yang memiliki populariti daripada lembaga ilmu pengetahuan Rusia dan Amerika Syarikat. Mereka berhujah dengan alasan antara lain adanya penemuan beberapa hasil penelitian ilmiah terbaharu dan dapat menjadi bukti untuk mematahkan teori evolusi Darwin. Antara lain dengan hasil penelitian: masa munculnya binatang di dunia ini hingga sekarang tidak lebih dari 580 juta tahun. Hasil temuan arkeologi lain didapatkan kenyataan bahawa lombong uranium Oklo diteroka sejak 2 juta tahun dahulu, di Republik Gabon adalah sebuah reaktor nuclear (Graham Templeton, 2014).⁴

⁴ Kiranya benar penemuan ini, tanpa menafikan teori faktor perubahan alam (*nature*) sepertimana anggapan sebahagian saintis, kemungkinan penglibatan usaha manusia bertamadun tinggi juga perlu ditanggapi bersama. Laporan tersebut antara lain menyebut "*We tend to think that humans are the only possible source of complex machinery on Earth. Leaving aside the exquisite complexity of biologically evolved organisms, it does seem to be true that the Earth creates less complexity than its human inhabitants. Yet, in the 1970s, nuclear excavators discovered a form of natural technology that not only humbled nuclear scientists with its simplicity, but which actually predated their achievements by several BILLION years. The startling discovery has supported decades of research, but its depths are still producing lessons for US regulators. The objects in question are called the Oklo reactors, naturally occurring nuclear reactors named for the West African region of Gabon in which they reside. They've been dead for a very long time, probably over 1.5 billion years, but the evidence of their prior action is unmistakable. Sometime a bit less than 2 billion years ago, and lasting for about 300,000 years, the Oklo reactors held a series of stable nuclear fission reactions. Upon their discovery, the central question about these reactors was simply: How could they possibly work? One early hypothesis was that the fundamental physical constants that restrict nuclear reactions today may have been different 2 billion years ago. Analysis of the wastes at Oklo, running all the way up to this very month, suggest that the physical constants have indeed been constant all along. That means the reactor would have needed a fissionable isotope in the same concentrations we require today*".



Gambar 1.1: Reaktor nuklear di Republik Gabon.

Sedangkan pada saat itu menurut teori evolusi tidak ada spesies yang bergelar binatang. Hakikat ini memberi tamparan hebat bagi menutup mulut ilmuwan yang bersikap keras dengan hipotesis teori evolusi. Menurut perhitungan teori evolusi Darwin bahawa munculnya peradaban manusia tidak lebih dari 10000 tahun.

Pada 1880, di bawah kaki sebuah gunung di California ditemukan artifak arkeologi yang sebahagian besarnya adalah peralatan batu yang sangat halus, dan dapat dipastikan bahawa ia adalah bekas peninggalan purba sejak 55 juta tahun yang lampau. Bukankah hal ini sepenuhnya telah meruntuhkan susunan evolusi manusia dalam teori evolusi?

Dalam buku yang ditulis pada tahun 1985 bertajuk *Evolution: A Theory in Crisis*, seorang ahli genetik berasal dari New Zealand, Michael John Denton mengatakan secara ringkas namun tegas. Ujarnya: “Bahawa teori evolusi Darwin adalah pendustaan

terbesar abad ke-20.”


Justeru suatu bentuk kurikulum baharu wajar difikirkan bagi menangani persoalan tersebut. Antara kurikulum sains yang banyak diberi perhatian oleh dunia Barat kini ialah ‘*God’s Design*’. Iaitu suatu kurikulum yang menghubungkan alam semesta ini dengan ciptaan Tuhan. Kurikulum ini antara lain secara tidak langsung menjawab kekacauan dan *pseudo-science* tajaan Darwinisme yang sengaja dipopularkan bagi kepentingan jangka panjang Zionisme. Dalam pernyataan yang diketengahkan, mereka menyeru dengan slogan:

“*Help your children see God’s plan for our planet, our solar system, and our universe with this complete earth and space science curriculum. Explore how God designed the earth to support life from our atmosphere to our oceans.*”

Walaupun asas yang dikemukakan itu bersumberkan kepada ajaran Kristian selaras dengan kepercayaan mereka di Barat, namun paling tidak usaha memperkenalkan Tuhan dan peranan-Nya dalam penciptaan alam semesta sehingga manusia sewajarnya bertindak menurut perancangan Tuhan, seharusnya diberi pujian.⁵ Idea gerakan seperti ini sebenarnya berseiringan dengan suara-suara mutakhir para pemikir Barat yang menyeru kepada konsep kesatuan dan kesepaduan dalam ilmu yang dahulunya ditinggalkan dan kini diperjuangkan semula.

Perkara ini dijelaskan oleh Prof. Dr. Osman Bakar (1994) dengan mengatakan: “ungkapan-ungkapan seperti *“unity of the sciences”*, *“wholistic approach”* dan *“wholistic paradigm”* semakin banyak diperkata. Meskipun kesedaran tentang kepincangan dalam ilmu pengetahuan moden kian meluas, penyelesaian yang menyeluruh dalam masalah ini masih dinanti-nantikan”.

Gerakan ini antara lain dilakukan oleh *Institute for Creation Research* (ICR). Oleh kerana Darwinisme telah berakar kukuh dalam minda masyarakat Barat, usaha mengikis



Gambar 1.2. Contoh bahan bacaan rekabentuk penciptaan Tuhan pada kejadian langit dan bumi

⁵ Baca selanjutnya dalam: <https://answersingenesis.org/store/product/gods-design-heaven-and-earth-complete-set/>. 22/1/2016.

fahaman ini terpaksa juga dilakukan dengan mengetengahkan hujah dan penemuan-penemuan sains mutakhir dan terkini bagi meraih keyakinan umum. Antaranya seperti yang dilaporkan oleh Dr. Tomkins tentang 'gen yatim' (*orphan genes*) yang membezakan antara manusia dengan monyet:



Gambar 1.3. Contoh bahan bacaan rekabentuk penciptaan Tuhan terhadap makhluk.

"Gen yatim (orphan genes), didapati tidak ada dalam makhluk jenis lain dan oleh itu ia tidak mempunyai sejarah evolusi. Penemuan ini adalah satu lagi ramalan utama model penciptaan. Bukan sahaja makhluk mempunyai kod yang sama untuk fungsi yang sama, tetapi mereka juga perlu mempunyai kod unik yang menjadikan mereka berbeza daripada makhluk yang lain. Dalam menyokong ramalan ciptaan ini, saintis mendapati bahawa 'gen yatim' adalah sangat penting bagi proses biologi tertentu dan memiliki ciri-ciri yang sesuai dengan penyesuaian khusus pula. Dalam satu lagi laporan penyelidikan baru-baru ini, para saintis memerihalkan 634 'gen yatim' pada manusia dan 780 pada Cimpanzi. Dalam erti kata lain, kita kini

mempunyai satu set baharu 1307 gen yang sama sekali berbeza antara manusia dan Cimpanzi. Malah, gen khusus pada Cimpanzi tidak terdapat dalam mana-mana leluhur Cimpanzi seperti beruk (macaque), monyet yang masih ada. Ia adalah unik kepada Cimpanzi sama seperti 'gen yatim' manusia adalah unik kepada manusia. Evolusi Darwin tidak meramalkan penemuan luar biasa ini (<http://www.icr.org/articles/type/9.22/1/2016>).

Usaha sebegini sepatutnya memberi kesedaran kepada dunia Islam di Nusantara bagi merangka kurikulum pendidikan sains mereka berasaskan al-Quran dan Sunnah. Hal ini lebih utama dan amat diperlukan oleh umat manusia lantaran kekaburan Bible sebagai wahyu Tuhan tidak memiliki asas yang kukuh. Bagaimanapun usaha ini kelihatannya tidak dilaksanakan dengan perancangan yang rapi di negara-negara umat Islam di belahan Nusantara. Mereka masih selesa dengan paradigma sains Barat yang lama. Dunia Barat telah mula mengorak langkah membuat perubahan. Bagaimana pula dengan dunia umat Islam di Nusantara ini? Mungkinkah setelah berlalunya masa 50 tahun setelah dunia Barat berubah maka dunia Islam di sekitar ini akan memulakan langkah pertama untuk membuat perubahan?

PENUTUP

Umat Islam yang diberi anugerah sebagai *ummatan wasata* tidak ketandusan dalam sumber ilmu. Kitab al-Quran yang dianugerahkan menjadi bimbingan dan mencetuskan kesedaran untuk meneroka alam ciptaan Allah SWT. Mereka yakin apa juga permasalahan yang timbul berkaitan dengan kehidupan dan keilmuan boleh diatasi dengan penyelesaian tuntas apabila mereka hidup berdampingan dengan al-Quran. Rasulullah saw menegaskan:

{عَنِ الْحَارِثِ قَالَ مَرَرْتُ فِي الْمَسْجِدِ فَإِذَا النَّاسُ يَخُوضُونَ فِي الْأَحَادِيثِ فَدَخَلْتُ عَلَى عَلِيٍّ فَقُلْتُ يَا أَمِيرَ الْمُؤْمِنِينَ أَلَا تَرَى أَنَّ النَّاسَ قَدْ خَاضُوا فِي الْأَحَادِيثِ قَالَ وَقَدْ فَعَلُوهَا قُلْتُ نَعَمْ قَالَ أَمَا إِنِّي قَدْ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ أَلَا إِنَّهَا سَتَكُونُ فِتْنَةٌ فَقُلْتُ مَا الْمَخْرَجُ مِنْهَا يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ كِتَابُ اللَّهِ فِيهِ نَبَأُ مَا كَانَ قَبْلَكُمْ وَخَبَرُ مَا بَعْدَكُمْ وَحُكْمُ مَا بَيْنَكُمْ وَهُوَ الْفَصْلُ لَيْسَ بِالْهَزْلِ مَنْ تَرَكَهُ مِنْ جَبَّارٍ قَصَمَهُ اللَّهُ وَمَنْ ابْتَغَى الْهُدَى فِي غَيْرِهِ أَضَلَّهُ اللَّهُ وَهُوَ حَبْلُ اللَّهِ الْمَتِينُ وَهُوَ الذِّكْرُ الْحَكِيمُ وَهُوَ الصِّرَاطُ الْمُسْتَقِيمُ هُوَ الَّذِي لَا تَزِيغُ بِهِ الْأَهْوَاءُ وَلَا تَلْتَبِسُ بِهِ الْأَلْسِنَةُ وَلَا يَشْبَعُ مِنْهُ الْعُلَمَاءُ وَلَا يَخْلُقُ عَلَى

كَثْرَةِ الرِّدِّ وَلَا تَنْقُضِي عَجَائِئِهِ هُوَ الَّذِي لَمْ تَنْتَهِ الْجُرْ إِذْ سَمِعْتَهُ حَتَّى قَالُوا { إِنَّا سَمِعْنَا قُرْآنًا عَجَبًا يَهْدِي إِلَى الرُّشْدِ فَآمَنَّا بِهِ } مَنْ قَالَ بِهِ صَدَقَ وَمَنْ عَمِلَ بِهِ أُجِرَ وَمَنْ حَكَمَ بِهِ عَدَلَ وَمَنْ دَعَا إِلَيْهِ هَدَى إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ خُذْهَا إِلَيْكَ يَا أَعْوَزُ .

Maksudnya, "Daripada al-Harith, ia berkata: Aku melewati masjid, manakala orang ramai sedang tenggelam dalam perbualan mereka yang batil. Lalu aku masuk menemui Ali dan aku berkata: "Wahai Amirul Mukminin, apakah anda tidak perhatikan bahawa orang ramai sedang tenggelam dalam percakapan." Katanya: "Sesungguhnya mereka telah pun melakukannya?" Katakau: "Benar." Ali berkata: "Adapun aku sesungguhnya telah mendengar Rasulullah SAW bersabda: Ingatlah sesungguhnya akan terjadi fitnah. Lalu aku (Ali) bertanya: Apakah jalan keluar daripada fitnah itu wahai Rasulullah?" Jawab Nabi: "Kitab Allah, dalamnya ada perkhabaran apa yang telah berlaku sebelum kamu, juga perkhabaran yang akan berlaku selepas kamu dan hukum (ketetapan) dalam kalangan kamu; ia adalah kata pemutus yang benar bukan olok-olok, sesiapa yang meninggalkannya kerana keangkuhan nescaya Allah akan membinasakannya, sesiapa yang mencari petunjuk pada yang selainnya nescaya akan disesatkan oleh Allah, al-Quran adalah tali Allah yang kukuh, peringatan yang bijaksana, ia adalah jalan yang lurus, dialah yang tidak sekali-kali boleh diselewengkan hawa nafsu, mudah disebut oleh lidah-lidah, para ulama sentiasa tidak putus-putus (mengkaji, meneliti dan membacanya), tidak terasa jemu dengan banyak mengulangi (bacaannya), tidak berkesudahan keajaibannya, dialah yang para jin tidak tertahan apabila mendengarnya hingga mereka berkata: Sesungguhnya kami telah mendengar bacaan yang menakjubkan, yang membawa kepada petunjuk, lantas kami beriman dengannya, sesiapa yang berkata-kata dengannya (al-Quran) nescaya akan benarlah (perkataanya), sesiapa yang beramal dengannya diberi ganjaran pahala, sesiapa yang berhukum dengannya akan berlaku adil, barangsiapa yang menyeru kepadanya akan diberi petunjuk ke jalan yang lurus. Berpeganglah kepada al-Quran ini wahai A'war" (Hadis. al-Tirmidhi. Bab Ma Ja'a Fi Fadl al-Qur'an. No. 2831 & al-Tabarani, No. 16587).

Menyedari keagungan al-Quran inilah generasi Islam awal Muslim menjadikannya sebagai sumber utama ilmu dalam kajian-kajian mereka. Hal ini juga memberi momentum kepada umat Islam untuk nantinya mereka berjaya mencorakkan iklim sains di persada dunia. Mereka benar-benar terkesan dengan gagasan al-Quran yang menganjurkan agar manusia berfikir serta merenung ciptaan Allah bagi mengetahui rahsia-rahsia hukum penciptaan alam; menganalisis dan membuat rumusan terhadapnya bagi memanfaatkannya dalam kehidupan harian disamping merangka pengabdian kepadaNya.

Garis panduan al-Quran dan Sunnah Nabi SAW memberikan panduan bagaimana mencorakkan fungsi sains dan teknologi sebagai *ubudiyyah* dan bersifat keakhiratan. Mereka mendambakan sains dan teknologi sebagai wasilah *ubudiyyah* dan mendorong mereka merebut peluang '*fastabiqul khayrāt*' (berlumba-lumba merealisasikan kebaikan), maka mereka tidak menunggu masa yang lama untuk mengembangkan ilmu pengetahuan sains. Hanya sekadar dalam lingkungan satu abad setelah penurunan risalah nubuwwah, sejarah mencatatkan munculnya tokoh-tokoh saintis awal Islam, iaitu pada abad ke-7 Masehi.⁶

Tokoh-tokoh seperti Abu Musa Jabir bin Hayyan (721-815M), Muhammad ibn Musa al-Khawarizmi (780-850M), Abu Bakar Muhammad ibn Zakariya al-Razi (854-932M), Abu Raihan Muhammad ibn Ahmad al-Biruni (973-1048M) dan lain-lain. Mereka adalah barisan awal peneroka ilmu sains dan teknologi yang nama-nama mereka meniti zaman selama 350 tahun sebelum dunia Barat datang menuntut ilmu daripada mereka.

⁶ Nabi s.a.w. diputerakan pada tahun 570 Masehi. Wahyu pertama diturunkan kepada baginda s.a.w. ketika usia baginda 40 tahun, ertinya tahun 610 Masehi. Jeda waktu wahyu turun kurang lebih 23 tahun (13 tahun di Mekah dan 10 tahun di Madinah). Ini bermakna penurunan lengkap siri wahyu terjadi pada tahun 633 Masehi, iaitu hampir pertengahan abad ke 7 Masehi.

PENGHARGAAN

Para penyelidik mengucapkan terima kasih kepada Universiti Teknologi Malaysia di atas sokongan dan peruntukan yang diberikan untuk menjalankan kajian ini di bawah Geran Universiti Penyelidikan (No. Vot Q.J130000.2533.19H96).

RUJUKAN

- Abu Hamid al-Ghazali., Mahmud Hamdi Zaquq. 1993. *Antara Falsafah Islam dan Falsafah Moden Barat: Suatu Perbandingan Antara Al-Ghazali dan Descartes*, (terj.) Mohd. Sulaiman Hj. Yasin. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm. 109.
- Ali, Ayub. 1980. *Crisis in Muslim Education: Dichotomy of Tradisional and Modern System*. Kertas kerja yang dibentang di International Conference on Education and Culture in The Muslim World, March 22-24 di Dacca, Bangladesh.
- al-Bajuri, Ibrahim Muhammad. T.th. *Jawharah al-Tawhid ma'a Hasyiyatiha Tuhfat al-Murid*. Kaherah: Matba'ah al-Istiqamah. hlm. 10-11.
- Al Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. 1939. *Ihya' 'Ulum al Din*. Mesir: Matba'ah Mustafa al Baby al Halaby.
- Al Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. 1933. *Jawahir al Quran*. al Qaherah: al-Maktabah al Tijariyyah.
- C. Lodge, Rupert. 1947. *Philosophy of education*. New York: Harer & Brothers.
- Dewey, John. 1966. *Democracy and education*. New York: The Free Press.
- Dewi & Endang Sulistiyowati. 2013. *The Diary of Dajjal*, Phoenix Publishing Project, Jakarta.
- H. Horne, Herman. 1962. *An Idealistic Philosophy of Education*. The Forty First, Yearbook of The National Society for The Study of Eduacation. Part. I, Philosophies of Education. The Univercity of Chicago.
- John Coleman. 2015. *Committee 300*. terj. Suzilawati Abdullah. Petaling Jaya: Hijjaz Records Publishing. hlm. 54-56.
- M. Wasilullah Khan. 1989. *Pendidikan dan Masyarakat dalam Islam*. terj. Mohamad Nordin Zainuddin. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm. 2.
- Osman Bakar, dalam Baharuddin Ahmad, 1994, (penyelenggara), *Falsafah Sains daripada Perspektif Islam*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, hlm. 39.
- Syed Ali Ashraf. 1994. *Horizon Baru dalam Pendidikan Islam*. (terj.) Ismail Ahmad, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Internet

- Alisa. K Brown. 2013. Graceful Flight: A Faith Diary. Retrieved from <https://www.youtube.com/watch?v=rrqx1ygibmw>.
- Graham Templeton. 2014. "2 billion-year-old African nuclear reactor proves that Mother Nature still has a few tricks up her sleeve", dalam <https://www.extremetech.com/extreme/181620-2-billion-year-old-african-nuclear-reactor-proves-that-mother-nature-still-has-a-few-tricks-up-her-sleeve> (capaian pada 29/11/17); juga artikel berjudul: *Oklo: Natural Nuclear Reactors* dalam http://ecolo.org/documents/documents_in_english/oklo-reactor.html (capaian pada 29/11/2017).
- Jeffrey P. Tomkins. 21/01/2016. Genetic Gap Widens Between Humans and Chimps. Retrived from <https://www.icr.org/article/genetic-gap-widens-between-humans-chimps>.
- John Coleman's. 14/03/2005. *Conspirators Hierarchy - The Committee of 300*. Retrieved from <http://educate-yourself.org/cn/johncolemancommof300order14mar05.shtml>.
- Know The Truth TV. Jun 19, 2011. Banned College Lecture America Zionist False Education Exposed , Free Our Planet From Evil (Video File).

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.